



Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab


Sebuah inisiatif pelabur dengan kerjasama
UNEP Finance Initiative dan UN Global Compact



UNEP Finance Initiative
Innovative financing for sustainability



THE GLOBAL
COMPACT



Komitmen PREVI terhadap ahli-ahlinya berpandukan suatu jangka masa yang panjang. Oleh itu, membuat pelaburan yang menyokong alam sekitar sekeliling kita, adalah lebih daripada satu obligasi, ianya adalah satu tindakan yang mencerminkan kebijaksanaan.

Sergio Rosa
Presiden, PREVI

Kami berbangga kerana dapat menyokong Prinsip-prinsip ini, yang mengambil berat mengenai isu-isu sosial dan alam sekitar dan ianya boleh menjadi satu isu yang berguna kepada situasi kewangan sesebuah syarikat dan seterusnya menambahkan nilai saham pelabur di dalam sesebuah syarikat tersebut.

Denise Nappier
Bendahari Negeri, Connecticut, Amerika Syarikat

Kami mempunyai peluang perniagaan yang cerah di dalam komuniti pelaburan, dan kami sekarang telah selesai menyusun struktur-struktur sokongan untuk membantu dalam pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut yang akan mengambil masa selama dua tahun.

Donald MacDonald
Pengerusi PRI dan Pemegang Amanah Skim Persaraan British Telecommunications

Perutusan daripada Setiausaha Agung PBB

Sejak kebelakangan ini, peranan pasaran-pasaran kewangan dalam pembangunan mampan sering diperkotak-katikkan dan kurang difahami. Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) telah membantu mengubah tanggapan ini.

Dilancarkan pada bulan April 2006, PRI telah menjadi intipati utama di dalam pelaburan bertanggungjawab yang diamalkan di peringkat global. Peningkatan jumlah para pelabur keinstitutional – daripada seluruh dunia dengan mewakili lapan trilion dolar dalam tahun pertama sahaja – yang mula menerapkan PRI telah membuktikan kemajuan di dalam kebanyakan pasaran kewangan. PRI telah pantas menjadi penanda aras untuk pelaburan yang bertanggungjawab.



Dengan menggabungkan kriteria-kriteria alam sekitar, sosial dan pentadbiran ke dalam keputusan pelaburan dan amalan pemilikan mereka, semua penandatanganan PRI secara langsungnya mempengaruhi syarikat-syarikat untuk memperbaiki prestasi di bidang-bidang yang terbabit. Justeru itu telah menyumbang kepada usaha-usaha kami dalam menggalakkan kewarganegaraan korporat dan membina ekonomi dunia yang lebih stabil, mampan dan menyeluruh.


Prinsip-prinsip di dalam PRI adalah sejajar dengan UN Global Compact, dimana ianya memastikan syarikat-syarikat untuk menyematkan prinsip-prinsip yang meliputi hak asasi manusia, kebajikan buruh, alam sekitar dan antirasuah ke dalam strategi-strategi dan operasi-operasi syarikat masing-masing. PRI juga menjadi salah satu cabang bagi Program Persekitaran: Inisiatif Kewangan, PBB (UN Environment Programme Finance Initiative), yang meningkatkan tahap keprihatinan pasaran-pasaran modal kepada kepentingan alam sekitar dan isu-isu sosial.

Usahasama gabungan UN Global Compact, UNEP Finance Initiative dan pemimpin-pemimpin yang komited daripada komuniti pelaburan banyak membantu di dalam menjadikan PRI sebagai satu inisiatif berpengaruh tinggi dan unik yang menjanjikan masa depan yang lebih cerah bagi pasaran-pasaran kewangan disamping mencapai objektif-objektif Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Saya memuji komitmen tampok kepimpinan institusi-institusi yang melibatkan diri mereka di dalam projek ini, sekaligus menggalakkan pelabur-pelabur lain seluruh dunia untuk bersama-sama menyertai usaha bersejarah ini.

Ban Ki-moon

Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu
(PBB)





Terdapat peningkatan dari segi pendapat di kalangan pelabur-pelabur keinstitutionian

di mana isu-isu berkaitan dengan persekitaran, sosial dan pentadbiran korporat (ESG) boleh memberi kesan kepada portfolio-portfolio pelaburan. Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab menyediakan sebuah rangka kerja bagi membantu pelabur-pelabur dalam mengambil kira isu-isu berkenaan.

Prinsip-prinsip ini adalah sukarela dan juga beraspirasi.

Ia tidak preskriptif, tetapi menyediakan sebuah menu untuk tindakan-tindakan yang boleh diambil di dalam menerapkan isu-isu pentadbiran korporat ke dalam aliran utama di dalam membuat keputusan dan latihan pemilikan.

Menandatangani menunjukkan komitmen sebenar kepada Prinsip-prinsip ini,

membuktikan sokongan yang diberi oleh kepimpinan pihak atasan di dalam perniagaan pelaburan. Dan penerapan Prinsip-prinsip bukan sahaja akan bertumpu kepada pulangan jangka panjang yang lebih baik, tetapi kepada perapatan jurang di antara objektif pelabur-pelabur keinstitutionian dan masyarakat secara menyeluruh.

Latar Belakang

Pada awal tahun 2005, Kofi Annan, Setiausaha Agung Parti Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada masa itu, telah menjemput sekumpulan pelabur-pelabur keinstitutionian terbesar dunia untuk menyertai satu proses untuk merangka Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI). Wakil daripada dua belas buah negara telah bersetuju untuk menyertai kumpulan pelabur tersebut. Mereka disokong oleh sekumpulan pemegang saham yang terdiri daripada 70 orang pakar daripada industri pelaburan; organisasi-organisasi kerajaan dan pengantara kerajaan; masyarakat sivil dan juga para ilmuan. Proses ini dikordinasikan oleh Program Inisiatif Kewangan PBB (UNEP FI) dan UN Global Compact.

Prinsip-prinsip ini dirasmikan di Bursa Saham New York oleh Setiausaha Agung PBB pada bulan April 2006.

Faedah-faedah Menandatangani PRI

Terdapat pelbagai faedah dengan menandatangani Prinsip-prinsip ini. Antaranya ialah:

- Satu rangka kerja yang menyatukan isu-isu pentadbiran korporat (ESG).
- Akses kepada contoh-contoh amalan terbaik daripada rangkaian seangkatan global (termasuk kebanyakan pelabur-pelabur keinstitutionian dunia).
- Peluang-peluang untuk bekerjasama dan melebarkan rangkaian dengan lebih ramai penandatanganan yang lain, mengurangkan kos untuk kajian dan pelaksanaan.
- Faedah peningkatan reputasi daripada pendedahan umum di dalam komitmen pihak pengurusan atasan di dalam penerapan dan penyepaduan isu-isu ESG.
- Penyertaan di dalam semua acara Penandatanganan PRI tahunan.
- Akses kepada satu sistem laporan yang selaras dan cara kaedah penilaian.

Sokongan Pelaksanaan

Sebuah sekretariat profesional telah ditubuhkan untuk membantu pelaksanaan menandatangani Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI). Terdapat empat aktiviti sokongan iaitu:

Menyediakan Tunjuk Ajar PRI di dalam Blog Pelaksanaan

Sebuah portal internet yang dilengkapkan dengan sumber-sumber pelaksanaan seperti sesi-sesi dan transkrip temuramah bersama tokoh-tokoh industri, ulasan buku-buku dan juga imbasan isu-isu yang berkaitan.

Membina Rangkaian PRI di dalam Acara Peribadi Tahunan

Acara ini menemukan semua penandatanganan-penandatanganan sekali setahun untuk bersama membincangkan strategi-strategi pelaksanaan, membina rangkaian dan mencari rakan kerjasama.

Meningkatkan Kerjasama PRI di dalam Penglibatan Sistem Clearinghouse

Sebuah sistem intranet berasaskan rangkaian web membolehkan para penandatanganan menggunakan satu kaedah perkongsian maklumat dan kertas cadangan mengenai pemegang saham dan juga aktiviti-aktiviti lain yang mereka jalankan atau yang ingin mereka jalankan bersama penandatanganan yang lain.

Penilaian Kemajuan Kaedah Laporan dan Alatan Penilaian

Satu kaji selidik tahunan akan dijalankan ke atas aktiviti-aktiviti pelaksanaan penandatanganan, menganalisa dan menentukan latihan terbaik, ruang untuk diperbaiki dan juga cabaran-cabaran pelaksanaan. Kaedah ini bukan sahaja menyediakan sebuah imbasan maklumat mengenai kaedah terbaru yang digunakan di dalam industri, namun boleh membantu para penandatanganan untuk menilai dan melapor kemajuan masing-masing.





Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI)

Sebagai pelabur keinstitutional, tindakan dan tanggungjawab harus sejajar untuk memelihara kepentingan jangka panjang benifisiari masing-masing. Dalam memainkan peranan sebagai pemegang amanah, kami percaya bahawa isu-isu alam sekitar, sosial dan pentadbiran korporat (ESG) boleh menjejaskan prestasi portfolio pelaburan (ke tahap berbeza bergantung kepada syarikat, sektor, rantau, kelas aset dan peredaran masa). Kami juga sedar bahawa mengaplikasikan prinsip-prinsip ini mungkin dapat menyelaraskan objektif para pelabur dengan objektif masyarakat secara lebih meluas. Oleh itu, sebagai pemegang amanah, kami bertanggungjawab untuk:

1 Memasukkan isu-isu pentadbiran korporat (ESG) di dalam analisis pelaburan dan proses membuat keputusan.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil:

- Menitikberatkan isu-isu ESG dalam kenyataan-kenyataan dasar pelaburan
- Menyokong perkembangan alat-alat, metrik dan analisis yang berkaitan dengan ESG
- Menilai keupayaan pengurus pelaburan dalaman untuk meliputi isu-isu ESG
- Menilai keupayaan pengurus pelaburan luar untuk meliputi isu-isu ESG
- Meminta pembekal perkhidmatan (seperti penganalisis kewangan, pakar, broker, firma penyelidikan, ataupun agensi taksiran) untuk mengintegrasikan faktor-faktor ESG ke dalam perkembangan penyelidikan dan analisis
- Menggalakkan penyelidikan akedemik atau penyelidikan lain di bidang ini
- Menggalakkan latihan ESG untuk profesional di dalam industri pelaburan

2 Menjadi pemilik yang aktif dan meliputi isu-isu ESG dalam polisi dan praktis pemilikan.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil:

- Mengembang dan mendedahkan satu polisi pemilikan aktif yang konsisten/selaras dengan PRI
- Melaksanakan hak-hak pengundian dan memantau/mengawasi pematuhan kepada polisi pengundian (jika mendapat kontrak dari pembekal luar)
- Memperkembangkan keupayaan untuk penglibatan (samaada secara langsung ataupun melalui penyumberan)
- Merekodkan resolusi pemegang saham yang konsisten/selaras dengan pertimbangan jangka panjang ESG
- Meningkatkan penglibatan syarikat-syarikat dalam isu-isu ESG
- Menyertai inisiatif penglibatan kolaboratif
- Menghendaki pengurus pelaburan untuk menjalankan dan melapor penglibatan dalam hal-hal ESG

3 Kami akan mendapatkan pendedahan yang sepatutnya mengenai isu-isu pentadbiran korporat (ESG) oleh entiti-entiti yang berada di dalam pelaburan kami.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil:

- Meminta supaya satu laporan yang selaras mengenai isu-isu ESG menggunakan kaedah seperti *Global Reporting Initiative (GRI)*.
- Meminta supaya isu-isu ESG disertakan di dalam laporan kewangan tahunan.
- Mendapatkan segala maklumat-maklumat berkenaan dengan pengambilan atau kepatuhan kepada norma-norma, piawaian, kod tatalaku atau inisiatif antarabangsa yang berkaitan (seperti UN Global Compact) daripada syarikat-syarikat.
- Menyokong inisiatif-inisiatif dan resolusi-resolusi pemegang saham di dalam mempromosikan pendedahan ESG.

4 Kami akan menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan PRI di dalam industri pelaburan.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil:

- Memasukkan syarat-syarat mengenai PRI didalam permintaan kertas-kertas cadangan (RFPs)
- Menyelaraskan mandat pelaburan, memantau tatacara, penunjuk prestasi dan struktur insentif (sebagai contoh, memastikan proses-proses pengurusan pelaburan mencerminkan jangka panjang apabila diperlukan)
- Berkomunikasi dengan ESG mengenai jangkaan kepada pembekal-pembekal perkhidmatan pelaburan
- Mengemaskini dan menyemak semula hubungan dengan pembekal-pembekal perkhidmatan yang gagal untuk memenuhi jangkaan ESG
- Menyokong semua pembangunan untuk mengintegrasikan kriteria ESG.
- Menyokong regulatori atau pembangunan dasar yang membolehkan pelaksanaan PRI.

5 Kami akan bekerjasama untuk mengukuhkan keberkesanan dalam melaksanakan PRI

Tindakan-tindakan yang boleh diambil:

- Menyokong / menyertai rangkaian dan maklumat untuk dikongsi bersama-sama kaedah-kaedah PRI, mengumpulkan sumber, dan menggunakan laporan pelabur sebagai satu sumber pembelajaran
- Mengumpulkan semua isu-isu relevan yang timbul.
- Membangunkan atau menyokong semua usaha yang sesuai dalam inisiatif-inisiatif kolaboratif

6 Kami akan melaporkan aktiviti-aktiviti dan kemajuan di dalam penerapan PRI

Tindakan-tindakan yang akan diambil:

- Mendedahkan bagaimana isu-isu ESG diserapkan di dalam kegiatan pelaburan.
- Mendedahkan aktiviti-aktiviti pemilikan yang aktif (di dalam pengundian; komitmen dan penglibatan; dan/atau dialog polisi).
- Mendedahkan apa yang diperlukan oleh penyedia perkhidmatan yang berkait rapat dengan PRI tersebut.
- Berhubung dengan benefisiari atau pewaris mengenai isu-isu ESG dan PRI.
- Melaporkan kemajuan atau pencapaian yang berkait rapat dengan PRI dengan menggunakan pendekatan 'Patuh atau Terangkan'¹.
- Usaha untuk menentukan kesan oleh PRI.
- Menggunakan kaedah laporan sebagai usaha untuk membangkitkan keprihatinan pihak-pihak yang menaruh kepentingan secara meluas.

1. Kaedah "Patuh dan Terangkan" memerlukan penandatanganan untuk melaporkan mengenai cara-cara yang digunakan untuk mematuhi dan mengaplikasikan PRI, atau menerangkan mengapa mereka tidak mematuhi PRI.

Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) telah diperkenalkan oleh sekumpulan pelabur keinstitution antarabangsa untuk mencerminkan kepentingan persekitaran, sosial, dan pentadbiran korporat di dalam aktiviti pelaburan. Proses ini telah dijalankan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dengan menandatangani PRI, kami sebagai pelabur dengan secara umumnya berjanji akan menerapkan dan mengaplikasikan prinsip-prinsip ini sebagaimana perlu di dalam tanggungjawab fidusiari kami. Kami juga berjanji untuk menilai keberkesanan dan meningkatkan isi kandungan PRI mengikut peredaran masa. Kami percaya bahawa ini akan memperbaiki kebolehan kami untuk menepati komitmen-komitment kepada benefisiari dan juga menyelaraskan tujuan dan objektif kami untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Kami menggalakkan pelabur-pelabur lain untuk melaksanakan Prinsip-prinsip ini.





Soalan dan Jawapan mengenai Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI)

Apakah matlamat keseluruhan projek PRI ini?

PRI tujuan untuk membantu pelabur-pelabur menyepadukan pertimbangan alam sekitar, sosial dan pentadbiran (ESG) isu-isu ke dalam pembuatan keputusan pelaburan dan amalan-amalan pemilikan, dan oleh sebab itu memperbaiki jangka panjang kembali ke benefisiari.

Bagaimanakah pelaksanaan PRI boleh mempengaruhi pulangan pelaburan?

Melaksanakan keperluan PRI menjurus kepada persetujuan penuh pelbagai isu-isu yang berkaitan, dan ini akan menghasilkan pertambahan di dalam pulangan dan mengurangkan risiko yang ada. Di sana keterangan bertambah isu-isu ESG itu boleh penting untuk prestasi portfolio-portfolio, terutama mengenai jangka masa panjang.

Semua penandatanganan PRI juga adalah sebahagian daripada sebuah rangkaian, dengan peluang-peluang untuk mengumpulkan sumber dan pengaruh, menurunkan kos-kos dan menambah keberkesanan penyelidikan dan keaktifan dalam amalan-amalan pemilikan. Inisiatif ini juga menyokong pelabur-pelabur dalam bekerja bersama-sama untuk memberi perhatian yang lebih sistemik kepada masalah-masalah yang berbangkit, dan jika berjaya diperbetulkan, boleh menjurus kepada keadaan pasaran yang lebih stabil, bertanggungjawab dan menguntungkan.

Apakah implikasi-implikasi untuk tugas fidusiari?

PRI adalah berdasarkan premis isu-isu ESG itu boleh menjejaskan prestasi pelaburan dan yang pertimbangan sesuai isu-isu ini adalah bahagian atasan penyerahan terlaras risiko pulangan dan oleh sebab itu dengan kuat di dalam had tugas-tugas pemegang amanah para pelabur. Penggunaan PRI dinyatakan dengan jelas untuk digunakan hanya dalam cara-cara yang konsisten dengan tugas-tugas fidusiari.

Bagaimanakah PRI boleh dikaitkan dengan *Socially Responsible Investment (SRI)*?

PRI dibentuk supaya serasi dengan gaya-gaya pelabur-pelabur keinstitutional yang besar dan yang biasanya dipelbagaikan, yang beroperasi mengikut satu rangka kerja fidusiari tradisional. PRI juga digunakan merentasi perniagaan pelaburan secara menyeluruh dan tidak hanya relevan untuk produk-produk SRI sahaja. Bagaimanapun, PRI boleh menuju satu pendekatan iaitu – pemilikan yang ibarat aktif dan mengintegrasikan isu-isu ESG ke dalam analisis pelaburan – yang ramai pengurus dana korporat amalkan.

Adakah PRI menyisih atau bersaing dengan syarikat-syarikat atau sektor tertentu ?

Tidak. PRI lebih menggalakkan satu dasar penglibatan dengan syarikat-syarikat daripada mengabaikan atau menghindari saham-saham berdasarkan kriteria ESG (walaupun ini mungkin satu pendekatan yang sesuai untuk sesetengah pelabur). PRI secara umumnya direka bentuk untuk pelabur-pelabur besar yang mempunyai portfolio yang dipelbagaikan dan mempunyai kepentingan/pegangan besar dalam syarikat-syarikat, yang menjadikan tindakan mempelbagaikan pelaburan atau pengeluaran sebagai tidak praktikal.

Apakah kaitan PRI kepada rantai bekalan pelaburan?

Bagi para pelabur keinstitutional menjayakan PRI, mereka perlu menggalakkan satu perubahan dalam cara ejen-ejen mereka menggabungkan isu-isu ESG ke dalam proses-proses mereka. Prinsip 1 dan 4 di dalam PRI telah mengemukakan beberapa cadangan bagaimana ini boleh dilakukan. Ia adalah juga berkemungkinan yang rantai bekalan – pengurus-pengurus dana, penganalisis dan pakar-pakar – akan bertindak balas terhadap PRI dengan menawarkan produk-produk dan perkhidmatan untuk membantu dalam pelaksanaannya.

Bagaimanakah PRI membantu pelabur-pelabur dalam kerja hari ke hari?

PRI melengkapkan pelabur dengan satu rangka kerja pada peringkat tinggi untuk menyepadukan isu-isu ESG ke dalam keputusan-keputusan pelaburan. Dan semasa penandatanganan-penandatanganan membangunkan dasar-dasar dan prosedur untuk integrasi, sekretariat PRI akan hadir untuk membantu pelabur-pelabur dalam implementasi. Penandatanganan-penandatanganan juga akan mempunyai akses untuk peluang-peluang kolaboratif, tunjuk ajar dalam menghadapi isu-isu ESG dan akses kepada jaringan-jaringan. PRI juga merangsang lebih penyelidikan tentang kesan-kesan isu-isu ini atas pelaburan, yang akan membuka jalan untuk pengenalan pelbagai produk dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk pelabur.

Siapa yang boleh menandatangani?

Terdapat 3 kategori utama penandatanganan. (komitmen dari peringkat tertinggi kepimpinan dalam organisasi dan merangkumi seluruh perniagaan pelaburan)

Pemilik Aset: Pertubuhan-pertubuhan yang mewakili aset pemilik yang memegang simpanan persaraan jangka panjang, insurans dan aset-aset lain. Sebagai contoh, ini termasuk wang pencen, bond kerajaan, pertubuhan, pembiayaan, insurans dan insurans semula syarikat-syarikat. Ini adalah kategori utama penandatanganan.

Pengurus Pelaburan: Syarikat-syarikat pengurusan pelaburan yang menyediakan perkhidmatan pelaburan kepada institusi dan/atau pasaran runcit dan mengurus aset tersebut sebagai pihak ketiga.

Rakankongsi perkhidmatan profesional: Pertubuhan-pertubuhan yang menawarkan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan untuk pemilik-pemilik aset dan/atau pengurus-pengurus pelaburan. Walaupun perkhidmatan profesional seumpama tidak mengurus aset mereka tersendiri, mereka boleh mempunyai pengaruh yang lebih besar dalam memengaruhi pelanggan mereka dalam menerangkan isu-isu mengenai ESG. Untuk kumpulan ini, menjadi penandatanganan merupakan pengakuan kepada relevannya isu-isu mengenai pengurusan pelaburan ESG. Ianya juga mewakili satu komitmen untuk menyediakan dan mempromosikan perkhidmatan yang menyokong pelaksanaan PRI oleh pelanggan dan untuk meningkatkan perkhidmatan sebegitu sepanjang masa.

Walaupun semua penandatanganan memilih kategori mereka sendiri, tapi Lembaga PRI berhak menentukan kategori yang mana lebih sesuai untuk mereka. Kategori-kategori tersebut tidak direka untuk terlalu preskriptif/panjang, secara lazimnya pihak pelabur dianggap pemilik aset daripada pengurus pelaburan jika beliau mengurus lebih dana sendiri daripada dana pelanggan parti ketiga.

Bolehkah kami mendaftar hanya atas nama dana SRI atau amalan ESG sahaja?

Tidak. Objektif utama prinsip adalah untuk mengintegrasikan aliran utama pelaburan dan amalan pemilikan merangkumi fungsi-fungsi pelaburan di seluruh organisasi. Ini bukan sahaja untuk digunakan dalam kelas-kelas aset atau produk khusus (Ini merangkumi semua kategori penandatanganan). Prinsip-prinsip ini telah direka sebagai satu komitmen daripada kepimpinan peringkat atasan perniagaan pelaburan secara keseluruhannya. PRI mungkin mengambil masa untuk dikenali, tetapi penandatanganan-penandatanganan awal percaya bahawa komitmen seluruh organisasi adalah amat penting untuk memastikan proses aliran utama tersebut.

Sekiranya kami sesuai dalam pelbagai kategori, bolehkah unit-unit perniagaan ini mendaftar secara persendirian dan tidak terikat antara satu sama lain?

Kami meminta pihak pengurusan atasan syarikat supaya mendaftar untuk keseluruhan organisasi termasuk bagi pihak subsidiari organisasi tersebut. Kategori penandatanganan ini akan bergantung kepada yang perniagaan yang terbesar/utama di dalam organisasi tersebut. Tetapi dalam situasi dimana pelbagai perniagaan tidak bergantung sesama sendiri, adalah tidak mustahil untuk mendaftar sebagai pemilik aset, pengurus pelaburan atau rakan kongsi perkhidmatan profesional di dalam kategori lain.





Apabila mendaftar, adakah ianya akan melibatkan komitmen kewangan?

Tiada yuran wajib akan dikenakan semasa mendaftar kepada PRI. Walau bagaimanapun, seperti yang dicadangkan, yuran sukarela sebanyak USD10,000 boleh diderma untuk membantu di dalam hal-hal pentadbiran dan untuk menyokong dalam mempromosikan PRI.

Apakah sumber yang diperlukan untuk melaksanakan PRI?

Pelabur boleh memilih untuk melaksanakan PRI dalam pelbagai cara, dan ini akan mempengaruhi sumber yang diperlukan. Institusi setidak-tidaknya patut menyediakan masa yang secukupnya untuk pekerja memahami pelbagai jenis aktiviti yang telah dicadangkan oleh PRI, menyiasat dan memahami bagaimana pihak pelabur yang lain telah menggunakan sumber mereka dan memulakan proses pelaksanaan tersebut.

Bagaimana jikalau selepas kami mendaftar, kami dapati bahawa PRI ini amat sukar untuk dipraktikkan?

Tiada sekatan sah/undang-undang bersabit dengan PRI. Ia dibentuk lebih kepada sukarela dan aspirasi. Sekiranya mendaftar tetapi gagal untuk mengambil mana-mana tindakan ianya mungkin akan menyebabkan risiko terhadap reputasi, tetapi komitmen yang diperlukan oleh kebanyakan penandatanganan adalah kerja yang berterusan dan semua kerja tersebut menuju ke arah senarai semak yang perspektif dan mematuhi PRI. Laporan dan penilaian tahunan PRI akan membantu anda dalam menilai tahap pencapaian. Syarat minimum untuk kekal sebagai penandatanganan adalah penyertaan berterusan di dalam penilaian dan menerusi cara itu, melakukan pembaikan yang berterusan.

Siapakah yang mamantau projek PRI ini?

PRI ditadbir oleh 13 orang ahli lembaga dan ini merangkumi 11 lembaga yang dilantik oleh wakil penandatanganan pemilik aset dan dua orang wakil PBB daripada Program Alam Sekitar PBB dan Perjanjian Global PBB. Butiran lanjut boleh didapati dari secretariat dan Perlembagaan PRI.

Apakah perubahan yang boleh dibawa oleh PRI kepada dunia pelaburan?

Walaupun prinsip-prinsip ini direka untuk menambahkan lagi pulangan jangka masa panjang kepada ahlinya, pelaksanaan mereka juga lebih tertumpu kepada isu-isu besar ESG di sepanjang tempoh pelaburan dan juga sektor korporat. Penyelidikan yang terbaru dan sistem metrik yang lebih baik akan dimajukan untuk menyokong para pelabur sekiranya mereka menjadi semakin aktif dalam pelaburan mereka. Didorong untuk menerima pendekatan yang lebih sistematik untuk menguruskan isu-isu ESG, pengurusan korporat akan lebih berminat dalam pemacu tambahan kepada risiko isu kewangan dan ganjaran yang akan datang untuk mentakrifkan keuntungan syarikat dalam tempoh sederhana dan tempoh yang lebih panjang. PRI akan juga merangsang penambahan bilangan pemilik aset yang aktif berkenaan isu-isu ESG oleh para pelabur. Dalam cara ini, PRI untuk pelaburan bertanggungjawab akan menyumbang untuk meningkatkan prestasi korporat yang lebih baik dalam isu alam sekitar, sosial dan isu-isu kerajaan.

Sekretariat Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI)

James Gifford Pengarah Eksekutif
Jerome Tagger Ketua Projek

Emel dan Laman Web info@unpri.org
www.unpri.org

Alamat Surat Menyurat c/o UN Global Compact United Nations, S-1894 New York, NY 10017 USA

Rakan kerjasama – Agensi-agensi PBB

UNEP Finance Initiative (UNEP FI)

UNEP FI ialah sebuah kerjasama global yang unik di antara UNEP dan sector kewangan swasta yang bekerja rapat dengan lebih kurang 170 institusi kewangan untuk menubuhkan dan mempromosikan rantai yang menghubungkan daya ketahanan dengan prestasi kewangan. Melalui aktiviti-aktiviti serantau, sebuah program kerja yang jelas merangkumi kaji selidik dan latihan, UNEP FI menerajui misi mereka untuk mengenal pasti, mempromosi dan mendapatkan kaedah pelaksanaan terbaik yang menepati persekitaran dan daya tahan pada semua peringkat di dalam operasi kewangan.

Hubungi **Paul Clements-Hunt**, Ketua Unit
fi@unep.ch
www.unepfi.org

Narina Mnatsakanian Ahli pasukan UNEP FI yang membantu di dalam pendedahan PRI
Philip Walker Ketua Projek PRI di negara-negara membangun dan pasaran baru
Careen Abb Koordinator Pasukan Petugas Afrika dan Kumpulan Kerja Pengurusan Aset Koordinator Pasukan Petugas Amerika Latin

UN Global Compact

United Nations Global Compact ialah inisiatif kewarganegaraan korporat terbesar dunia, meliputi lebih kurang 3,000 syarikat dan pemegang saham daripada 90 negara. Negara-negara peserta berikrar untuk menerajui 10 prinsip-prinsip merangkumi bidang hak asasi manusia, situasi buruh, pengawasan alam sekitar dan pencegahan rasuah. Objektif UN Global Compact adalah untuk mencapai matlamat kestabilan ekonomi global dengan mengintegrasikan pasaran dan masyarakat di dalam prinsip-prinsip untuk kegunaan sejagat.

Hubungi **Gavin Power**, Penasihat Kanan
globalcompact@un.org
www.unglobalcompact.org

Karen Newman Sokongan daripada Yayasan Global Compact
Bendahari

Translasi oleh OWW Consulting

OWW Consulting

OWW Consulting ialah sebuah firma perunding yang berpusat di Malaysia dan Singapura. OWW Consulting menawarkan khidmat rundingan dan penyelidikan yang khusus di dalam bidang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Pelaburan yang Bertanggungjawab secara Sosial (SRI). OWW Consulting adalah penandatanganan pertama Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab bagi Malaysia dan Singapura.

Hubungi enquiries@oww-consulting.com
www.oww-consulting.com

Direka dan dikeluarkan oleh **Rebus**, Paris





www.unpri.org
info@unpri.org